



دیوان بهاسی دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
JAWATAN KOSONG

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti yang berikut:

KETUA PENGARAH GRED UTAMA A (TERBUKA)

Lantikan	Tetap / Peminjaman / Kontrak
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Tertinggi
Jadual Gaji Minimum – Maksimum	RM9,038.00 – RM24,465.00 (tidak termasuk elaun-elaun perkhidmatan JUSA)

SYARAT MEMOHON

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

Syarat Lantikan Kontrak:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah dan tindakan tatatertib.

*Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan penerbitan selain mempunyai minat yang mendalam dalam bidang bahasa, sastera dan budaya.

Syarat Lantikan Tetap dan Peminjaman:

Pengarah Gred JUSA B dan C dari mana-mana jabatan/agensi kerajaan yang sedang berkhidmat tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam jawatan sekarang adalah layak memohon apabila:

- Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c);
- Disahkan dalam jawatan dan gred sekarang;
- Mencapai tahap kecemerlangan prestasi 3 tahun terkini tidak rendah daripada 85%;
- Mendapat pelepasan daripada Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- Mengemukakan LNPT bagi tiga (3) tahun terakhir;
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah dan tindakan tatatertib;
- Lulus tapisan keutuhan SPRM; dan
- Telah mengisytiharkan harta.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan perancangan dan pelaksanaan hala tuju DBP bagi memenuhi Dasar Bahasa Kebangsaan dan memacu DBP ke arah kecemerlangan dalam tiga teras utama DBP iaitu kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan.

CARA MEMOHON

Pemohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan DBP (**Borang PSM:12/20 (Pindaan Pent. 27/99)**) dengan lengkap dan melampirkan dokumen-dokumen seperti yang berikut:

- Resume
- Salinan Sijil Kelahiran
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Sijil-sijil Akademik dan Sijil-sijil yang berkaitan
- Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport (tidak dikembalikan)

Pemohonan hendaklah dikemukakan kepada:

**Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
(u.p: Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 November 2018 (Isnin)